

30/08/1998

Perdana Menteri rasmi Taman KLCC

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam merasmikan Taman Kuala Lumpur City Centre (Taman KLCC) seluas 20 hektar pada satu majlis penuh warna warni dengan disaksikan beribu-ribu warga kota.

Perdana Menteri meletakkan kunci untuk membuka arca kayu yang menjadi pintu masuk ke taman itu, yang direka oleh mendiang Roberto Burle Marx dari Brazil, pereka landskap antarabangsa terkemuka.

Belon kemudiannya dilepaskan ke udara dengan disambut sorakan daripada orang ramai yang terpegun dengan barisan Pancutan Air Tasik Simfoni, setinggi kira-kira 10 meter di tasik dalam taman itu.

Antara orang kenamaan yang hadir ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Pengerusi KLCC (Holding) Bhd, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Taman itu yang ditanam 1,900 pokok daripada 66 spesies terletak di tengah-tengah KLCC, yang mengandungi bangunan tertinggi di dunia.

(END)